KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

SEJARAH SPM





# Modul MyAzam Sejarah SPM Tahun 2021

**Mengandungi soalan objektif, struktur dan esei format KSSM**

*Sekapur Sirih*

*Pengarah Pendidikan*

*Jabatan Pendidikan Negeri Melaka*

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dapat saya menitipkan bicara dalam ***Modul MyAzam Sejarah SPM 2021*** untuk sekolah-sekolah negeri Melaka bagi tahun 2021. Selawat dan salam juga saya ucapkan kepada Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga baginda.

Sesungguhnya penghasilan ***Modul MyAzam Sejarah SPM*** 2021 merupakan wadah penting dalam usaha memastikan anak-anak murid di seluruh negeri Melaka cemerlang dalam peperiksaan SPM 2021. Di kesempatan ini, saya ingin menyuarakan rasa bangga atas usaha murni JPN Melaka, PPD Melaka Tengah, PPD Jasin dan PPD Alor Gajah dalam penghasilan ***Modul MyAzam Sejarah SPM 2021.*** Usaha murni ini ibarat ***serampang dua mata*** bagi warga pendidik iaitu barisan JU Sejarah Melaka meningkatkan profesionalisme keguruan di samping menyediakan ***buah tangan*** untuk para guru Sejarah Melaka dalam menaikkan prestasi mata pelajaran serta menjadi senjata anak didik berjuang di medan pertempuran SPM 2021.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas pengorbanan semua pihak dalam penghasilan ***Modul MyAzam Sejarah SPM 2021***. Besarlah harapan saya agar penghasilan ***Modul MyAzam Sejarah SPM 2021*** ini diteruskan pada masa akan datang sebagai wahana pendidikan yang mampu melonjakkan prestasi mata pelajaran Sejarah negeri Melaka.

Sekian, Terima kasih.

**(DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)**
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

Sekapur Sirih
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Sains Sosial



بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya saya diberi ruang dan peluang untuk merakamkan penghargaan atas usaha murni dalam penghasilan **Modul My Azam Sejarah SPM 2021** untuk sekolah-sekolah negeri Melaka,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Tarmugi bin Mispani Penolong Pengarah Unit Sains Sosial Jabatan Pendidikan Melaka, barisan Timbalan PPD Sektor Pembelajaran, PPD Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin atas keperihatinan dan sokongan padu yang diberikan bagi merealisasikan penghasilan **Modul My Azam Sejarah SPM 2021**. Saya percaya dengan terhasilnya modul ini dapat memberi manfaat dan sekaligus memberikan suntikan semangat dan dorongan kepada anak-anak murid kita di negeri Melaka ini untuk terus cemerlang datam peperiksaan **SPM 2021**.

Setiap individu yang tertibat menyiapkan modul ini telah berkorban masa, tenaga dan sebagainya demi memastikan semua calon SPM 2021 diberi persediaan yang mantap walau pun PdP tidak dapat dilaksanakan di sekolah sepenuhnya. Itulah keazaman **Team Modul My Azam Sejarah SPM 2021** ini, untuk memastikan setiap murid diberikan bimbingan yang sewajarnya melalui **Modul My Azam**. Justeru, setiap murid yang menggunakan modul ini perlu bersyukur atas kemudahan dan bimbingan yang diberi oleh guru-guru hebat ini,

Sebelum mengakhiri ucapan inii saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Juru Latih Utama Sejarah negeri Melaka yang bertungkus lumus atas penghasilan **Modul My Azam**. Semoga jasa dan pengorbanan guru-guru sekalian akan diberkati dan diberi balasan yang baik di dunia dan akhirat,

Sekian, terima kasih.

ENCIK ABDUL KADIR BIN MD DEH
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Sains Sosial
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Melaka

## ISI KANDUNGAN


| BIL | BAB | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | | **Sekapur Sirih** | 2-3 |
| 2 | | **Panel pembina Modul MyAzam Sejarah SPM 2021** | 6 |
| | | TINGKATAN 4 | |
| 3 | **Bab 1** | **WARISAN NEGARA BANGSA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>7<br>8-11 |
| 4 | **Bab 2** | **KEBANGKITAN NASIONALISME**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>12<br>13-16 |
| 5 | **Bab 3** | **KONFLIK DUNIA & PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>17<br>18-21 |
| 6 | **Bab 4** | **ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>22<br>23-26 |
| 7 | **Bab 5** | **PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>27<br>28-31 |
| 8 | **Bab 6** | **ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAN DARURAT**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>32<br>33-36 |
| 9 | **Bab 7** | **USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>37<br>38-41 |
| 10 | **Bab 8** | **PILIHAN RAYA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>42<br>43-46 |
| 11 | **Bab 9** | **PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>47<br>48-51 |
| 12 | **Bab 10** | **PEMASYHURAN KEMERDEKAAN**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>52<br>53-56 |
| | | TINGKATAN 5 | |
| 13 | **Bab 1** | **KEDAULATAN NEGARA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>57<br>58-61 |
| 14 | **Bab 2** | **PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>62<br>63-66 |
| 15 | **Bab 3** | **RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>67<br>68-71 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **16** | **Bab 4** | **SISTEM PERSEKUTUAN**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>72<br>73-76 |
| **17** | **Bab 5** | **PEMBENTUKAN MALAYSIA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>77<br>78-82 |
| **18** | **Bab 6** | **CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>83<br>84-87 |
| **19** | **Bab 7** | **MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>88<br>89-92 |
| **20** | **Bab 8** | **MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>93<br>94-98 |
| **21** | **Bab 9** | **DASAR LUAR MALAYSIA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>99<br>100-103 |
| **22** | **Bab 10** | **KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA**<br>Bahagian A<br>Bahagian B | <br>104<br>105-108 |
| **23** | | **JAWAPAN BAHAGIAN A** | 109 |

**PANEL PEMBINA MODUL CEMERLANG SEJARAH SPM 2021 NEGERI MELAKA:**

| | | |
|---|---|---|
| En. Roslani Bin Maskan | : | SMK Pernu, Melaka |
| En. Md Muzaini Bin Said | : | SMK Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka |
| En. Zamani Bin Abu Hashim | : | SMK Simpang Bekoh, Asahan, Melaka |
| En. Lim Chin Guan | : | SMJK Pulau Sebang, Alor Gajah |
| En. Azlan Bin Mohamad Gazi | : | SMK Datuk Abdul Rahman Ya'kub, Merlimau |
| En. Mohd Sukri Bin Sharif | : | SMK Paya Rumput Melaka |
| En. Rama Chendra Govindasamy | : | Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh |
| En. Ahmad Nor Iman Bin Shawal | : | SMK Kampung Gelam ,Melaka |
| Tn. Hj. Mohd Shah Bin Mahbub | : | SMK Sultan Mansor Shah, Melaka |
| En. Anuar Bin Mat | : | SMK Seri Mahkota, Merlimau, Melaka |
| Pn. Hajah Yuriza Binti Muhammad | : | SMK (A) Sharifah Rodziah, Telok Mas, Melaka |
| Pn. Norizah Binti Adam | : | SMK Seri Tanjong, Melaka |
| Pn. Nor Azlinda Binti Omar | : | SMK Padang Temu , Melaka |
| Pn. Hajah Mazni Binti Naim | : | SMK Telok Mas, Melaka |
| Pn. Haniza Binti Mat Hassan | : | MRSM Terendak, Sungai Udang |
| Pn. Norsaliza Binti Mohd. Zain | : | MRSM Alor Gajah. Alor Gajah |
| Pn. Noorwati Binti Suleiman | : | Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah, Melaka |
| Pn. Umi Yasirah Arafah Binti Mat Zain | : | SMK Bukit Baru, Melaka |
| Dr. Zarina Begam binti Abdul Kadir | : | MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin |
| En. Mohd. Mahadir bin Mat Ali @ Othman | : | SMA JAIM Darul Falah, Alor Gajah |
| Pn. Nimarni binti Bahrom | : | SMK Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa, Jasin |

**PENASIHAT MODUL CEMERLANG SEJARAH SPM 2021 NEGERI MELAKA :**

| | | |
|---|---|---|
| Encik Tarmugi Bin Mispami | : | Penolong Pengarah Unit Sains Sosial Jabatan Pendidikan Melaka |
| Encik Mazlan bin Mohammad | : | Timb. PPD Sektor Pembelajaran, PPD Melaka Tengah |
| Encik Farouk Bin Maidin | : | Timb. PPD Sektor Pembelajaran,PPD Alor Gajah |
| Tn Hj Ramli bin Mohd. Jilis | : | Timb. PPD Sektor Pembelajaran,PPD Jasin |

TINGKATAN 4 -BAHAGIAN A

## BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA

### 1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

1 Mengapakah kerajaan Srivijaya mengamalkan upacara berikut? **ms 4**

> Air dituang ke atas Inskripsi Telaga Batu.Air tersebut ditadah dan diminum oleh rakyat Srivijaya.

A Upacara pelantikan raja
B Kesetiaan rakyat kepada raja

2 Apakah kerajaan yang mengamalkan sistem perundangan berikut **ms 4**

> *Kutara Manawa*

A Champa
B Majapahit

3 Apakah tindakan Kesultanan Johor-Riau dalam melaksanakan ciri-ciri negara bangsa? **ms 5**

A Menekankan kepentingan Islam
B Mengutamakan kebajikan rakyat

### 1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

4 Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka berjaya memperolehi wilayah berikut? **ms 7**

> - Lingga
> - Patani
> - Kedah

A Perkahwinan
B Peperangan

5 Apakah kesan pelaksanaan undang-undang berikut oleh Kesultanan Melayu Melaka? **ms 7**

> - Hukum Kanun Melaka
> - Undang-Undang Laut Melaka

A Menjadi kerajaan yang unggul
B Menggalakkan kerjasama ekonomi

6. Apakah kepentingan lambang kebesaran berikut di Melaka? **ms 7**



Gambar: Cap mohor

A Meluaskan empayar kerajaan
B Mengesahkan arahan sultan

### 1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang- undang

7 Senarai berikut adalah tugas pembesar Kesultanan Melayu Melaka.

> - Penasihat sultan
> - Pemangku sultan

Siapakah Pembesar Berempat yang memikul peranan tersebut? **ms 9**

A Bendahara
B Laksamana

8 Apakah ciri-ciri perdagangan Islam yang ditetapkan oleh Hukum Kanun Melaka? **ms10**

A Pembayaan cukai
B Pengharaman riba

9 Undang-Undang Laut Melaka melaksanakan hukuman terhadap perbuatan jenayah yang dilakukan di atas kapal.
Apakah perbuatan jenayah tersebut? **ms11**

A Mencuri
B Menipu

### 1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat

10 Apakah peranan rakyat Kesultanan Melayu Melaka? **ms13**
A Mengutip hasil
B Membina istana

11 Apakah yang dimaksudkan *waadat*? **ms13**
A Perkahwinan
B Perjanjian

12 Bagaimanakah pembesar membekalkan tenaga tentera kepada Sultan Melaka? **ms12**
A Menggunakan sistem kerah
B Melalui tawanan perang

**BAHAGIAN B**

**BAB 1 : WARISAN NEGARA BANGSA**

1.1 **Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat**

**1.** Rajah berikut menunjukkan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.




**(a)** Apakah **X** dan **Y**?

(i) **X** : ............................

(ii) **Y** : ............................

[2 markah]

**(b)** Terangkan ciri-ciri negara bangsa berikut:

(i) Raja

................................................................................

................................................................................

[2 markah]

(ii) Undang-undang

................................................................................

................................................................................

[2 markah ]

**(c)** Pada pandangan anda, mengapakah undang-undang penting bagi negara kita?

................................................................................

................................................................................

................................................................................

................................................................................

[4 markah ]

**(a)**
X- Wilayah Pengaruh
Y- Rakyat

**(b)**
(i) Raja
- Tonggak utama kerajaan
- Diperkukuhkan dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh pembesar
- Memperoleh ketaatan rakyat
- Raja ditaati
- Raja dianggap suci

(ii) **Undang-undang**
- Memastikan kesejahteraan kerajaan
- Panduan dalam kerajaan

**(c)**
- Menstabilkan sistem politik
- Menjamin kesejahteraan rakyat
- Memastikan keamanan
- Melahirkan keharmonian
- Memakmurkan ekonomi
- Menyediakan peluang pekerjaan
- Mengukuhkan perpaduan
- Mana-mana jawapan munasabah

*Tahukah anda?*

- **Inskripsi Telaga Batu:** Digunakan untuk dalam upacara **persetiaan antara pemerintah dengan golongan diperintah** dalam kerajaan Srivijaya.
- **Ciri-ciri negara Bangsa menjadi warisan kerajaan berikut:**
  **i.** Srivijaya
  ii. Kesultanan Melayu Melaka
  iii. Kesultanan Johor-Riau
- **Apakh maksud wilayah pengaruh**?
  wilayah pengaruh bermaksud **kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja.** Contoh:kerajaan Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh ,selatan Myanmar dan Segenting Kra

**2.** Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai sebuah empayar yang gemilang kerana memiliki ciri-ciri negara bangsa

**(a)** Jelaskan konsep negara bangsa berikut:

i. Kedaulatan

…………………………………………………………………

…………………………………………………………………

[ 2 markah ]

ii. Wilayah pengaruh

…………………………………………………………………

…………………………………………………………………

[ 2 markah ]

**(b)** Senaraikan undang-undang bertulis yang diamalkan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

……………………………………………...........................

……………………………………………...........................

[ 2 markah ]

**(c)** Pada pengetahuan sejarah anda, mengapakah Kesultanan Melayu Melaka berjaya membentuk sebuah empayar yang gemilang?

………………………………………………………………………

………………………………………………………………………

………………………………………………………………………

………………………………………………………………………

[4 markah ]

i.

- Kekuasaan tertinggi seseorang sultan
- Hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah

ii.

- iKawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat
- Diperolehi melalui penaklukan,naungan dan perkahwinan
- Membuktikan kewibawaan pemerintah

(b)

i. Hukum Kanun Melaka
ii. Undang-Undang Laut Melaka

(c)

- **Kewibawaan raja**
- -Berkebolehan memerintah
- **Kesetiaan rakyat**
- -Rakyat tidak menderhaka
- **Keunggulan undang-undang**
- **-**Mewujudkan keamanan
- **Peranan pembesa**
- **-**Melaksanakan tugas dengan amanah

*Mana-mana munasabah*

*Tahukah anda?*

**Lambang Kebesaran Kesultanan Melayu Melaka**

- Adat istiadat
- Penggunaan warna
- Nobat
- Regalia
- Cap mohor

**Kerajaan Negara Bangsa di Alam Melayu:**

- Kerajaan Funan abad Pertama
- Kerajaan Champa abad Kedua
- Kerajaan Srivijaya abad Ketujuh
- Kesultanan Melayu Melaka abad ke-15
- Kesultanan Johor-Riau abad ke 16

**Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka:**

- Kerajaan
- Rakyat
- Kedaulatan
- Wilayah pengaruh
- Undang-undang
- Lambang kebesaran

**Undang-undang yang menerima pengaruh undang-undang Kesultanan Melayu Melaka:**

- Undang-Undang Pahang
- Undang-Undang 99 Perak

**3.** Pemerintah dan rakyat telah menggerakkan jentera kerajaan dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

**(a)** Berikan contoh golongan berikut:

(i) Golongan pemerintah

…………………………………………………….

[ 1 markah ]

(ii) Golongan diperintah

…………………………………………………….

[ 1 markah]

**(b)** Bagaimanakah golongan berikut memainkan peranan dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka

i) Sultan

. ………………………………………………………………

…..……………………………………………………………

[ 2 markah ]

ii) Rakyat

………………………………………………………………

…..……………………………………………………………

[ 2 markah ]

**(c)** Mengapakah hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat harus dikekalkan dan diperkukuhkan?

………………………………………………………………

…..……………………………………………………………

[ 4 markah]

**(a)**

(i)
- Sultan
- Pembesar
- Kerabat diraja
- Ulama

(ii)
- **Rakyat/**
- **Hamba/**

**(b)**
i)
- Menjaga keselamatan
- Mewujudkan perpaduan
- Memastikan kemakmuran
- Memperkenalkan undang-undang

ii)
- Taat setia kepada pemerintah
- Patuh arahan
- Tidak menderhaka
- Hadir majlis umum
- Sumbangan tenaga kerja

**(c)**
- **Menjamin kesejahteraan**
  -Kestabilan dan keharmonian
- **Memajukan negara**
  **-**Wujud kerjasama yang erat
- **Mengukuhkan keamanan**
  -Melaksanakan undang-undang
- **Memantapkan perpaduan**
  -Mengurus rakyat dengan baik
- **Memakmurkan ekonomi**
  -Kesejahteraan rakyat terjamin

*Mana-mana munasabah*

*Tahukah anda?*

- **Waadat** ialah perjanjian
- ***Tulah*** bererti **kecelakaan y**ang menimpa seseorang kerana **melanggar larangan atau titah raja** dan **menderhaka kepada raja**

**Hubung kait pemerintah dan rakyat:**
Rakyat itu umpama akar,yang raja itu umpama pohon: jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyat.
Sumber : W.H.Shellabar ,

- **Iktibar :**

@ Sikap kerjasama dalam keluarga dapat mengukuhkan institusi keluarga

@ Perpaduan menjadi asas penting menjamin keharmonian masyarakat dan mengukuhkan peradaban bangsa dan negara

@ Kita harus berbangga kerana mewarisi asas negara bangsa yang menjamin kesejahteraan dan keharmonian negara kita

**(a)**
- **Jenayah**
  -Menggugat ketenteraman dan

| | |
|---|---|
| 4.<br>**(a)** Jelaskan isi kandungan Hukum Kanun Melaka. [4 markah]<br><br>**(b)** Bagaimanakah undang-undang di (a) menjadikan Kesultanan Melayu Melaka sebuah kerajaan yang unggul. [ 8 markah ]<br><br>**(c)** Mengapakah sistem perundangan yang mantap penting kepada sesebuah negara? [ 8 markah]<br><br>……..………………………………………………………………….<br>……..………………………………………………………………….<br>…………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…..……………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…..……………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…..……………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…..……………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…..……………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………<br>…..…………………………………………………………………… | keharmonian<br>-Seperti membunuh,menikam dan mencuri<br>• **Persnan Sultan dan Pembesar**<br>-Arif dalam hal pelaksanaan undang-undang<br>• **Kekeluargaan**<br>-Mewujudkan keharmonian<br>-Seperti masalah keluarga atau dalam perkahwinan<br>• **Ekonomi:**<br>-Urus niaga mengawal perdagangan<br>-Tidak melakukan kesalahan bertentangan dengan ajaran Islam<br>-Seperti amalan riba<br><br>**(b)**<br>• **Menjamin kemakmuran**<br>-Bidang ekonomi<br>-Mempunyai peraturan yang jelas tentang urus niaga untuk mengawal perdagangan<br>-Tiada sebarang kesalahan bertentangan dengan ajaran Islam<br>• **Mengawal ketenteraman dan keharmonian**<br>-Bidang jenayah<br>-Seperti membunuh,menikam dan mencuri<br>• **Mengukuhkan sistem keluarga**<br>-Menyelesaikan masalah keluarga<br>-Seperti perkahwinan<br>• **Mengukuhkan peranan Sultan dan pembesar**<br>-Perlu arif dalam pelaksanaan undang-undang<br>-Tugas sultan,Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari<br><br>**(c)**<br>• **Melicinkan pentadbiran**<br>-Produktiviti bertambah<br>• **Memajukan ekonomi**<br>-Menambahkan pekerjaan<br>• **Mengukuhkan perpaduan**<br>-Hidup aman dan damai<br>• **Menstabilkan politik**<br>-Menjalankan pembangunan<br>• **Memantapkan keselamatan**<br>-Kebajian rakyat terjaga<br>• **Menarik pelancong**<br>-Meningkatkan imej negara<br>• **Menarik pelabur luar**<br>• -Meningkatkan pendapatan<br>• **Menghalang ancaman luar**<br>-Mentadbir dengan bebas<br>Mana-mana jawapan munasabah |

**BAHAGIAN A**

## BAB 2 : KEBANGKITAN NASIONALISME

### 2.1 Maksud Nasionalisme

1. Apakah pandangan Profesor Hans Kohn berkaitan nasionalisme? **Ms 22**
   A. Perjuangan untuk menuntut kemerdekaan
   B. Gerakan kesetiaan kepada negara dan bangsa

### 2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

2. Maklumat di bawah berkaitan perkembangan nasionalisme di Barat.
   - Revolusi Perancis (1789)
   - Revolusi England (1688)

   Mengapakah revolusi tersebut berlaku? **Ms 24-25**
   A. Menentang penguasaan ekonomi
   B. Menentang pemerintahan beraja

### 2.3 Perkembangan Nasionalisme di Asia

3. Maklumat berikut berkaitan tokoh nasionalisme di India pada awal abad ke-20.
   - Bal Gangadgar Tilak
   - Bipin Chandra Pal

   Apakah sumbangan kedua-dua tokoh tersebut? **Ms 26**
   A. Menggerakkan perjuangan militan
   B. Mengutamakan isu keagamaan

4. *Semangat bushido* dijadikan asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah semasa era Pemulihan Meiji

   Apakah nilai yang terdapat dalam semangat tersebut? **Ms 27**
   A. Sedia berkhidmat
   B. Sedia berkorban

### 2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

5. Maklumat di bawah berkaitan perkembangan nasionalisme di Filipina.

| Tokoh | Tuntutan |
|---|---|
| Jose Rizal | Filipina dijadikan wilayah Sepanyol |
| | Bangsa Filipina diberikan kebebasan bersuara |

   Apakah kesan daripada tuntutan tersebut? **Ms 28**
   A. Penubuhan Katipunan
   B. Penubuhan Liga Bangsa

6. Perdana Menteri Thailand, Phibulsongkram melaksanakan dasar bekerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua.
   Apakah implikasi terhadap negara tersebut? **Ms 31**
   A. Persaingan kuasa Barat
   B. Pengekalan kemerdekaan Thailand

7. Perdana Menteri Thailand, Phibulsongkram melaksanakan dasar bekerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua.
   Apakah implikasi terhadap negara tersebut? **Ms 31**
   C. Persaingan kuasa Barat
   D. Pengekalan kemerdekaan Thailand

### 2.5 Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita

8. Maklumat di bawah berkaitan tokoh nasionalisme di negara kita pada penghujung abad ke-19 hingga awal abad ke-20.
   - Penghulu Dol Said - Naning
   - Tok Janggut – Pasir Puteh

   Apakah bentuk perjuangan mereka? **Ms 33**
   A. Bersifat setempat
   B. Bersifat radikal

### 2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

9. Karya sastera berikut digunakan sebagai wadah untuk membangkitkan semangat nasionalisme.
   - Cerita Awang Putat

   Apakah tema cerpen tersebut? **Ms 34**
   A. Mewujudkan perpaduan kaum
   B. Memperjuangkan nasib bangsa

10. Tokoh pendidikan agama berperanan membangkitkan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu. Bagaimanakah kesedaran tersebut dibangkitkan? **Ms 35**
    A. Menubuhkan madrasah
    B. Menggunakan semangat jihad

### 2.7 Perkembangan Nasionalisme

11. Pasangan manakah yang betul tentang aspek perkembangan nasioanlisme di negara kita. **Ms 36 - 41**

| | Aspek | |
|---|---|---|
| A | Perjuangan golongan intelektual | Perjuangan melalui penulisan |
| B | Perjuangan melalui persatuan | Perjuangan golongan bangsawan |

12. Tokoh berikut berperanan dalam membangkitkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.
    - Zainal Abidin Ahmad (Za'aba)
    - Abdul Rahim Kajai

    Bagaimanakah mereka membangkitkan semangat tersebut? **Ms 38 - 39**
    A. Menghasilkan penulisan kreatif
    B. Menghantar surat kepada sahabat

### 2.8 Kesan Perkembangan Nasionalisme

13. Apakah kesan gesaan Kaum Muda agar memajukan diri dalam ekonomi? **Ms 42**
    A. Penubuhan persatuan kebajikan
    B. Penubuhan syarikat kerjasama

**BAHAGIAN B**

**1.** Nasionalisme mempunyai pelbagai tafsiran berdasarkan sejarah, corak perjuangan dan karisma pemimpin yang mendukung perjuangan.

**(a)** Apakah maksud nasionalisme berdasarkan pendapat tokoh berikut;

(i) Dato' Onn Jaafar

..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................

[ 2 markah ]

(ii) Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim

..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................

[ 2 markah ]

**(b)** Jelaskan matlamat yang diperjuangkan melalui gerakan nasionalisme.

..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................

[ 2 markah ]

> "Dapat kita lihat pemimpin terdahulu yang sanggup berkorban semata-mata untuk menjaga kepentingan bangsa tanpa sedikit pun mengharapkan ganjaran apatah lagi kedudukan. Pemimpin dahulu mempunyai semangat juang nasionalisme yang amat tinggi dan nilai itulah yang patut kita contohi dan amalkan dalam perjuangan kita sekarang."
>
> *Petikan ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin Shah sempena Perayaan Sambutan 100 Tahun The Malay College Kuala Kangsar*

**(c)** Perjuangan pemimpin terdahulu perlu dicontohi dalam mengukuhkan semangat nasionalisme? **(K9.2.5)**
Berikan penjelasan anda.

..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................
..........................................................................................

[ 4 markah ]

**Ms : 22 -23**

**(a)** (i)
- menzahirkan bangsa yang lebih kuat
- berdiri atas tapak kaki sendiri
- mengambil tempat di sisi bangsa lain yang bersatu

**(a)** (ii)
- merujuk kepada perjuangan orang Melayu
- mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara

**(b)**
- membina bangsa yang bersatu
- membina negara yang berdaulat
- melahirkan identiti sendiri
- melahirkan perasaan kekitaan

**(c)**
**memupuk sikap sanggup berkorban**
- menjaga kepentingan bangsa dan negara

**menghargai jasa pemimpin**
- mengelakkan tindakan memburuk-burukkan pemimpin negara

***Tahukah anda?***

***Maksud nasionalisme**:*

*"Perjuangan menentang penjajahan hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat iaitu National Fronts. Segala tenaga yang menentang penjajah-an hendaklah digunakan untuk mencapai kemerdekaan dengan tetap berpegang pada tatatertib dan adab sopan bangsa Melayu dan agama Islam untuk rnenebus, merebut dan merampas kembali hak mutlak bangsa kita yang telah ditenggelamkan itu."*

***Dr. Burhanuddin al-Helmi***

"*Kebangkitan nasionalisme Melayu lebih kepada kesedaran dan ketegasan diri pada dekad terakhir sebelurn Perang Dunia Kedua. Hal ini disebabkan oleh ancaman terhadap hak kepentingan orang Melayu serta faktor ekonomi juga akibat kebimbangan masyarakat terhadap sekularisme dan imperialisme Barat yang melanda Tanah Melayu."*

***Profesor William R. Roff***

**2.** Idea nasionalisme di Barat rnencetuskan kesedaran dan kebangkitan memperjuangkan kedaulatan negara yang menekankan hak dan prinsip kedaulatan rakyat. Idea ini tersebar ke dalam gerakan nasionalisme di luar Eropah termasuklah di Asia dan Asia Tenggara.

**(a)** Mengapakan idea nasionalisme berkembang di Barat?

.........................................................................................................
.........................................................................................................
.........................................................................................................
.........................................................................................................

[ 2 markah ]

**(b)** Tokoh berikut menjadi pelopor gerakan kebangkitan rakyat di negara China.



Dr. Sun Yat Sen

Senaraikan ideologi perjuangan beliau dalam Tiga Prinsip Rakyat.

(i) .........................................................................................

(ii) .........................................................................................

[ 2 markah ]

**(c)** Maklumat berkaitan ikrar "Sumpah Pemuda" dalam Kongres Pemuda Indonesia pada tahun 1928.



SUMPAH PEMUDA

Pertama: Kami putera dan puteri Indonesia mengaku bertumpah darah yang satu, tanah Indonesia

Kedua: Kami putera dan puteri Indonesia mengaku berbangsa yang satu, bangsa Indonesia

Ketiga: Kami putera dan puteri Indonesia menjunjung bahasa persatuan, bahasa Indonesia

Apakah asas yang terdapat dalam sumpah tersebut?

(i) .........................................................................................

(ii) .........................................................................................

[ 2 markah ]

**(d)** Jelaskan kepentingan sumbangan pemimpin dalam mengekalkan kedaulatan negara. **(K9.2.8)**

.........................................................................................................
.........................................................................................................
.........................................................................................................
.........................................................................................................
.........................................................................................................
.........................................................................................................

[ 4 markah ]

**Ms : 24 - 30**

**(a)**
- penentangan terhadap pemerintahan beraja
- perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan

**(b)**
- nasionalisme
- demokrasi
- kebajikan sosial

**(c)**
- satu tanah air
- satu bangsa
- satu bahasa

**(d)**

**menjamin keamanan negara**
- berjaya menyatupadukan rakyat

**mengekalkan warisan tradisi bangsa**
- jati diri bangsa dapat dikekalkan

***Tahukah anda?***

**Jamuan Teh Boston**

Jamuan Teh Boston merujuk peristiwa penentangan orang Amerika terhadap cukai dan monopoli British dalam perdagangan teh di Amerika. Mereka bertindak membuang kotak-kotak berisi teh ke laut dari kapal British yang berlabuh di pelabuhan Boston, Amerika. Tindak balas British terhadap peristiwa tersebut mencetuskan Revolusi Amerika.




Peristiwa Jamuan Teh Boston.
Sumber: Khasnor Johan, *et al.*, 1996. *Sejarah Peradaban Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Partai Nasional Indonesia (PNI)

PNI berjuang secara radikal untuk mencapai matlamat membebaskan Indonesia daripada penjajahan Belanda. Antara usaha PNI termasuklah:
- mengamalkan dasar tidak bekerjasama dengan Belanda.
- menyebarkan idea nasionalis melalui penerbitan surat khabar Banteng Priangan di Bandung dan Persatuan Indonesia di Jakarta.

Perjuangan PNI ditegaskan semasa berlangsungnya Kongres Pemuda yang mengeluarkan ikrar "Sumpah Pemuda".

**3.**

| |
|---|
| Kesedaran nasionalisme dikaitkan dengan perjuangan tokoh agama sejak awal abad ke-20 yang dibawa oleh gerakan Islah. |

**(a)** Senaraikan **dua** tokoh gerakan Islah di Tanah Melayu?

(i) ........................................................................................

(ii) ........................................................................................

[ 2 markah ]

**(b)** Bagaimanakah faktor agama menyebabkan kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita?

..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................

[ 4 markah ]

> "Bagi mengembalikan semangat patriotisme, sejarah dan sivik mesti dijadikan sebagai landasan kerana melaluinya manusia semasa dapat mempelajari segala liku-liku yang terpaksa ditempuhi oleh generasi sebelumnya untuk mewariskan sebuah kehidupan bagi generasi berikutnya. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam mestilah dikenang dengan sebaik-baiknya kerana mereka merupakan sejarah perjuangan gemilang untuk memartabatkan patriotisme negara."
>
> https://www.sinarharian.com.my
> *Patriotisme Bukan Sekadar Semangat*
> *© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf*

**(c)** Semangat cinta akan negara dalam kalangan generasi muda semakin pudar. **(K9.3.6)**
Jelaskan langkah untuk memupuk semangat tersebut.

..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................
..........................................................................................................

[ 4 markah ]

**Ms : 33 - 34**

**(a)**
- Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin
- Haji Abbas Mohd Taha
- Syed Sheikh al-Hadi

**(b)**
- pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir
- terdedah dengan falsafah perjuangan gerakan Islah
- menyeru umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar
- berpandukan al-Quran dan Hadis
- menentang imperialisme Barat di negara Islam

**(c)**
**memperkasakan mata pelajaran Sejarah di sekolah (Fakta)**
- mempelajari peristiwa sejarah yang bermakna *(Huraian)*
- menggalakkan murid mengkaji sumbangan tokoh nasionalis *(Contoh)*
- pendidikan sebagai asas untuk memupuk semangat cinta akan negara *(Inferens)*

***Tahukah anda?***

***Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme di Negara Kita***

1. **Peranan Agama**
2. **Penulisan Kreatif**
3. **Media Cetak**
4. **Sistem Pendidikan**
5. **Kemunculan Gol. Intelektual**
6. **Pengaruh Luar/ Serantau**

Siapakah **Abdul Rahim Kajai**?
- menjadi Ketua Pengarang akhbar Saudara, Majlis dan kemudiannya Warta Malaya.




- mengkritik sikap orang Melayu yang menghalang kemajuan dan tidak menyokong kemajuan bangsa sendiri
- menjadi wartawan selama 13 tahun dengan berkhidmat dalam beberapa akhbar Melayu

**3.** Gambar berikut merupakan pemimpin gerakan nasionalisme yang menubuhkan persatuan atau pertubuhan Melayu yang bersifat sosioekonomi dan politik.



**Mohammad Eunos Abdullah**
Kesatuan Melayu Singapura



**Ibrahim Haji Yaakob**
Kesatuan Melayu Muda

**(a)** Jelaskan perkembangan pertubuhan yang diasaskan oleh tokoh di atas.

(i) Kesatuan Melayu Singapura (KMS)

[ 3 markah ]

(ii) Kesatuan Melayu Muda (KMM)

[ 3 markah ]

**(b)** Mengapakah penduduk bukan Melayu menubuhkan persatuan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua?

[ 6 markah ]

**(c)** Perjuangan melalui persatuan lebih berkesan.
Berikan pendapat anda. **(K9.3.5)**

[ 8 markah ]

..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................

**Ms : 40 – 41**

**(a)** (i) KMS
- diasaskan oleh Mohammad Eunos Abdullah
- menggalakkan ahli aktif dalam pentadbiran
- memperjuangkan kepentingan pendidikan orang Melayu
- mementingkan pendidikan teknik

(ii) KMM
- hasil gagasan Ibrahim Haji Yaakob
- berjuang melalui akhbar Majlis
- tujuan untuk menentang British
- dianggap radikal oleh pihak British

**(b)**
- memberi perhatian kepada kebajikan masyarakat Cina
- menggalakkan pelajaran tinggi masyarakat Cina
- masyarakat Cina menuntut perkhidmatan dalam kerajaan
- menjaga kepentingan masyarakat India
- membincangkan isu berkaitan masyarakat India
- mengembangkan idea nasionalisme masyarakat India

**(c)**
**(i) pengurusan berorganisasi *(Fakta)***
- mempunyai perlembagan *(Huraian)*
- matlamat perjuangan lebih jelas *(Contoh)*
- pencapaian persatuan mudah dicapai *(Inferens)*

**(ii) menggunakan pendekatan musyawarah *(Fakta)***
- masalah dapat diatasi dengan berkesan *(Huraian)*
- ahli memilih pemimpin *(Contoh)*
- tidak berlaku pemusatan kuasa *(Inferens)*

***Tahukah anda?***

**Tan Sri Hajah Zainon bte Munshi Sulaiman** atau dikenali sebagai ***Ibu Zain*** merupakan tokoh pendidik dan politik wanita terkenal. Jasa beliau tambah bermakna selepas pendudukan Jepun di bumi Malaya. Beliau menjalankan kegiatan dakwah bagi membantu memulihkan akhlak golongan wanita yang terpengaruh dengan tentera Jepun. Beliau mampu menguasai bahasa Jepun dalam tempoh sebulan.

https://ms.wikipedia.org/wiki/Zainon_Munshi_Sulaiman

**BAHAGIAN A**

**BAB 3 : KONFLIK DUNIA& PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA**

**3.1: Nasionalisme di Negara kita sebelum Perang Dunia**

**1.** Apakah hukuman yang dikenakan jika seseorang mencetak dan mengedarkan tulisan berkaitan agama dan politik Islam tanpa kebenaran Sultan? **ms 52**

A. A.Hukuman bunuh
B. B.Hukuman penjara

2. British telah memperkenalkan dua badan penyiasat. Salah satunya ialah Biro Siasatan Politik.
Mengapakah badan penyiasat ini ditubuhkan? **ms 52**

A. Memastikan ajaran Islam dapat disebarkan
B. Mengawal gerakan Islah Islamiah

**3.2: Latar Belakang Perang Dunia**

3. Apakah punca yang menyebabkan kuasa imperialis bersaing mendapatkan bahan mentah Seperti arang batu dan bijih timah? **ms 54**

A. Ekonomi negara jatuh mendadak

B.. Berlaku Revolusi Industri

4. Persidangan Damai Paris pada 18Januari 1919 telah diadakan selepas tamat perang dunia pertama.Persidangan itu membincangkan syarat perdamaian selepas perang.

Mengapakah syarat tersebut dilakukan? **ms 56**

A. Supaya Amerika Syarikat dapat merangka bentuk Pentadbiran yang baharu

B. SupayaJerman tidak lagi menjadi ancaman Keamanan di Eropah

5.Negara kita juga turut menerima kesan akibat perang dunia pertama.Apakah tindakan British yang dilakukan di negara kita? **ms 57**

A. Menyediakan peluang pekerjaan seperti penoreh Getah
B. Raja-raja Melayu diminta tandatangani perisytiharan perang yang menyokong kerajaan British

**3.5: Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita**

6. Operasi kod "D-Day"telah di laksanakan oleh tentera Bersekutu pada Jun 1944.**ms 68**

Apakah kejayaan operasi tersebut terhadap tentera bersekutu?

A.Melaksanakan dasar terbuka
B Mendarat di Normandy,Perancis

7. Bagaimanakah pihak berikut menghalang dasar perluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik?**ms 65**

| | |
|---|---|
| British | Belanda |
| Amerika Syarikat | Pihak Bersekutu |

A. Mengenakan sekatan ekonomi
B. Mengadakan perjanjian perdamaian
C.

**3.7: Perjuangan Rakyat Menentang Jepun**

8. Operasi "Zipper" dilancarkan oleh Force 136 dan British pada tahun 1945.**ms 77**

Mengapakah operasi tersebut di lancarkan?

A.Mengatasi kemelesetan ekonomi
B.Menawan semula Tanah Melayu

**3.9:Keadaan Negara kita selepas kekalahan Jepun**

9. Ketegangan antara kaum berlaku di Kuching, Sarawak selepas Jepun menyerah kalah.

Bagaimanakah tentera Australia mengatasi Situasi tersebut? **ms 85**

A.Memecat pemimpin yang terlibat
B.Mengenakan perintah berkurung.

**BAHAGIAN B**

| | |
|---|---|
| **1.** Perang Dunia Kedua berlaku kerana kemunculan pakatan ketenteraan dan ideologi baharu di Eropah.<br>Misi Jepun ke negara kita bertujuan memenuhi keperluan ekonomi dan kepentingan strategik ketenteraan.<br><br>**(a)** Apakah slogan yang digunakan oleh pihak Jepun?<br><br>(i) ..................................................................................................<br><br>(ii) ..................................................................................................<br>[ 2 markah ]<br><br>**(b)** Jelaskan faktor kedatangan Jepun ke negara kita dari segi :<br><br>(i) Eksploitasi sumber bahan mentah<br><br>..................................................................................................<br><br>..................................................................................................<br>[ 2 markah ]<br><br>(ii) Kepentingan strategik ketenteraan<br><br>..................................................................................................<br><br>................................ ................................................................<br>[ 2 markah ]<br><br>**(c)** Tanah Melayu mempunyai pelbagai keistimewaan sehingga menjadi sasaran kuasa asing.<br>Bincangkan.<br><br>..................................................................................................<br><br>..................................................................................................<br><br>..................................................................................................<br>[ 4 markah ] | **Ms : 68**<br>a)<br>• Semangat Asia<br>• Asia untuk Orang Asia<br><br>b) (i)<br>• Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah.<br>• Untuk pembaharuan perinduatrian ekoran Pembaharuan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun<br>• Tanah Melayu merupakan pengeluar bijih Timah dan getah dunia<br>• Menghasilkan emas, bijih besi, arang batu dan bauksit<br><br>b (ii)<br>• Kedudukan strategik negara kita sesuai untuk ketenteraan<br>• Semenanjung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British iaitu Singapura.<br>• Pengkalan laut tersebut penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera<br>• Penguasaan terhadap Pulau Borneo pula penting untuk menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Pulau Jawa<br><br>(c)<br>**Kekayaan bahan mentah**<br>• seperti bijih timah, getah dan bauksit<br>**Kedudukan yang strategik**<br>• Laluan antara Timur dan Barat<br>**Sesuai untuk membina pelabuhan.**<br>• Mengumpul bahan mentah<br>**Tanah yang subur**<br>• sesuai untuk pertanian<br>•<br>***Mana-mana jawapan munasabah*** |

**2.** Pendudukan Jepun telah memberi kesan kepada pentadbiran di negara kita.

**(a)** Apakah gelaran Jepun bagi negeri berikut?

i Singapura : ..................................................................

ii Tanah Melayu:.............................................................

( 2 markah)

**(b)** Jelaskan dasar pemerintahan tentera Jepun terhadap pemimpin berikut:

i. Raja-raja Melayu

...................................................................................

...................................................................................

...................................................................................

...................................................................................

( 2 markah)

ii. Pemimpin tempatan.

...............................................................................

...............................................................................

...............................................................................

...............................................................................

( 2 markah)

**(c)** Jika anda hidup pada zaman pendudukan Jepun. Apakah yang akan anda lakukan untuk menentang tentera Jepun? **(K 10.1.8)**

.............................................................................................

.............................................................................................

.............................................................................................

.............................................................................................

.............................................................................................

( 4 markah)

**ms 70**

(a)

- Syonan-to(Pulau Cahaya Selatan)
- Malai Baru(Melayu Baru)

(b)

(i) **Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu**

- Sebagai ketua dalam hal ehwal Agama Islam dan adat Melayu
- Di berikan pencen seperti
- sebelum perang
- Diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun

(ii)- **Memberi peluang kenaikan pangkat,**

- Bagi yang berpendidikan dan berpengalaman ke jawatan
- yang lebih tinggi.
- Menubuhkan insititut latihan Pemimpin-pemimpin muda atauKoa Kunrenjo
- Untuk melatih dan menanamkan
- Semangat memperjuangkan
- Cita-cita politik Jepun

(c)

**F + H**

**(i) Menentang pendudukan Jepun**

- Menyedarkan masyarakat tentang propaganda Jepun
- Berusaha menentang dan menghalau Jepun
  Berkorban jiwa dan raga untuk Negara tercinta
- Sentiasa bekerjasama
  antara satu Sama lain
  Mempertahankanmaruah bangsa hak dan agama

[*mana-mana jawapan munasabah*]

**3.** Kesatuan Melayu Muda(KMM) telah bekerjasama dengan Jepun untuk mendapat kemerdekaan Tanah Melayu.

**(a)** Bagaimanakah reaksi Jepun terhadap kesatuan tersebut?

.........................................................................................
.........................................................................................
.........................................................................................

( 3 markah)

**(b)** Jelaskan organisasi ketenteraan di bawah:

**Giyu Gun**

.........................................................................................

.........................................................................................

.........................................................................................

( 3 markah)

**(c)** Pada pandangan anda, mengapakah Kesatuan Melayu Muda tidak berjaya dalam mencapai matlamat perjuangan politiknya? **(K 10.1.8)**

.........................................................................................

.........................................................................................

.........................................................................................

.........................................................................................

.........................................................................................

( 4 markah)

**ms 80**

**(a)**

**Membebaskan ahli KMM yang dipenjarakan oleh British**

- Pentadbiran tentera Jepun memberi ruang kepada kegiatan politik
- Jepun memerlukan sokongan masyarakat tempatan
- Jun 1942, tentera Jepun membubarkan KMM
- kerana tindakan pemimpin menuntut kemerdekaan daripada Jepun

**(b)**

- Giyu Gun atau Pembela Tanah Air Ialah pasukan tentera sukarela yang ditubuhkan oleh Jepun
- Untuk membantu Jepun mempertahankan Tanah Melayu
..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

……………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………...

*[4 markah]*

Jadual berikut berkaitan dengan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

| *Tahun* | *Malaysia dalam PBB* |
|---|---|
| *1957* | *Malaysia diterima secara rasmi menjadi anggota PBB* |

**(c)** Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada kedaulatan negara kita? **(K12.1.6)**

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

……………………………………………………………………………...

……………………………………………………………………………...

*[4 markah]*

**Ms 6 - 7**

**(a)**

- Kerajaan dan rakyat terikat dengan undang-undang
- Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat
- Mewujudkan keamanan

**(b)**

**i. Kedaulatan Tradisional**

- Wujud sejak tamadun awal manusia
- Pemerintahan berkuasa mutlak
- Kedaulatan Raja-raja Melayu

**ii. Kedaulatan Moden**

- Berkait idea negara bangsa
- Selepas Revolusi Keagungan (England) Revolusi Perancis
- Berkait hak rakyat

Mana-mana jawapn munasabah

**(c)**

- Mendapat pengiktirafan PBB
- Negara bebas/merdeka/ berdaulat
- Negara tidak dicabuli negara lain
- Dapat meluaskan hubungan diplomatik/ persahabatan

Mana-mana jawapan munasabah

*Tahukah anda?*

Kedaulatan ditakrifkan sebagai ***Kekuasaan tertinggi*** *dan* ***Kewibawaan*** *sebuah negara yang bebas dan mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintaha dan pentadbiran*

**Kedaulatan negara** dapat dilihat dengan **jelas pada zaman Kesultanan Melayu Melaka Kemerdekaan Tanah Melayu** dan **pembentukan Malaysia mengukuhkan dan memantapkan** negara bangsa yang bebas dan berdaulat

**2**. Rajah berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara berdaulat




**(a)** Apakah

(i ) X: ………………………………………………………………….

(ii ) Y : ………………………………………………………………….

[2 markah]

**( b )** Jelaskan tentang ciri-ciri yang terdapat di**(a)** ?

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

...............................................................................................................

……………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………..

[4 markah]

Setem kenangan berkaitan dengan keunikan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.



**( c)** Bagaimanakah keunikan tersebut dapat mengukuhkan kedaulatan negara kita? **( K12.1.7)**

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

...............................................................................................................

……………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………..

[4 markah]

**Ms 8-9**

**(a)** (i ) X : Pemerintahan
(ii ) Y : Sempadan

**(b)**
**Kedaulatan Tradisional**
- Wujud sejak tamadun awal manusia
- Pemerintahan berkuasa mutlak
- Kedaulatan Raja-raja Melayu

( 2 markah)

**Kedaulatan Moden**
- Berkait idea negara bangsa
- Selepas Revolusi Keagungan (England) Revolusi Perancis
- Berkait hak rakyat

( 2 markah)

**(c)**
**i. Perpaduan kaum**
- Melayu/Cina/India/Iban/ Kadazan dan lain-lain
- Hidup bersama/harmoni
- Bertoleransi / hormat menghormati pelbagai budaya

**ii. Kekayaan warisan budaya bangsa**
- Kebebasan asasi dalam masyarakat demokratik

*Mana-mana jawapan munasabah*

*Tahukah anda?*

**Raja Berpelembagaan** *bermaksud pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan*
**Demokrasi Berparlimen** bermaksud
*Demokrasi yang dijalankan secara perwakilan melalui proses pilihanraya*

<table>
<tr>
<td>

**3.** Petikan berikut merupakan lirik lagu Kerana Mu Malaysia

> Keranamu kami mendakap tuah
> Keranamu kami bangsa berjaya
> Keranamu kami hidup selesa
> Limpah budi kemakmuran negara
>
> Keranamu kami bebas merdeka
> Keranamu nyawa dipertaruhkan
> Keranamu kami rela berjuang
> Demi bangsa kedaulatan negara

**(a)** Jelaskan mesej daripada lagu tersebut.

……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………

[2 markah]

**( b )** Bagaimanakah pemerintah boleh memupuk semangat patriotik dalam kalangan rakyat negara ini ?

……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………

[4 markah]

**(c)** Sebagai rakyat yang patriotik, apakah cadangan anda untuk mengekalkan kedaulatan negara? **( K12.1.8)**

……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………

[4 markah]

</td>
<td>

**Ms 12 -15**
**(a)**

- Kejayaan rakyat negara ini menikmati kemajuan
- Negara yang bebas dari penjajahan
- Kesanggupan untuk berjuang dan berkorban

Mana-mana jawapan yang munasabah

**(b)**
**i. Menganjurkan pelbagai program**

- Untuk menyemai semangat cintakan negara

**ii. Melancarkan kempen**

- Menyebarluaskan melalui media massa/media sosial

**iii. Mengiktiraf rakyat Malaysia yang berjasa**

- Memberikan pingat/ganjaran atas pencapaian mereka

**(c)**
**i. Mengukuhkan perpaduan**

- Mengamalkan sikap saling bertoleransi dan hormat menghormati

**ii. Meningkatkan hubungan diplomatik**

- Menjalin lebih banyak hubungan persefahaman dengan negara-negara luar

**iii. Mengukuhkan pertahanan negara**

- Meningkatkan penggunaan teknologi moden untuk aset2 ketenteraan
-

Mana-mana jawapan munasabah

*Tahukah anda?*

Langkah-langkah Mempertahankan kedaulatan negara

- Mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran negara
- Mengekalkan perpaduan
- Memupuk patriotisme
- Mengukuhkan pertahanan negara

</td>
</tr>
</table>

**4.**

**Petikan berikut berkaitan kedaulatan negara Malaysia**

> KUALA LUMPUR, 30 Ogos - Mengekalkan kemerdekaan, kedaulatan serta keamanan negara sejak 63 tahun lepas merupakan amanah besar yang perlu dipikul oleh seluruh rakyat Malaysia, kata Perdana Menteri Muhyiddin Yassin.
>
> Muhyiddin berkata seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri pertama , Almarhum Tunku Abdul Rahman dalam pemasyhuran kemerdekaan pada tahun 1957, negara hendaklah kekal merdeka dan berdaulat, dan seluruh rakyatnya aman, sejahtera selama-lamanya.
>
> *Sumber: https:// www.pmo.gov.my/ms/2020/08/rakyat malaysia pikul - amanah besar-kekal-kedaulatan-kemerdekaan-negara/*

**(a)** Apa yang anda faham tentang kedaulatan ? [4 markah]

**(b)** Terangkan kepentingan mewujudkan negara yang berdaulat ? [8 markah]

**(c)** Bincangkan peranan pemerintah dan rakyat dalam mengekalkan kemerdekaan, kedaulatan serta keamanan negara. **(K12.1.5)** [ 8 markah ]

**Ms 10 -11**

**( a)**

- Kekuasaan tertinggi
- Kewibawaan pemerintah
- Kemerdekaan mengatur urusan dalam negara
- Kedaulatan undang-undang

*Mana-mana fakta yang berkaitan*

**(b)**

**i. Membentuk keberkesanan pentadbiran**
- Bebas menjalankan urusan pentadbiran

**ii. Mewujudkan kemamuran ekonomi**
- Meningkatkan taraf hidup rakyat

**iii. Memupuk kesejahteraan sosial**
- Memajukan bidang Pendidikan

**iv. Membina kecemerlangan hubungan luar**
- Menjalin hubungan diplomatik/ persahabatan

*Mana-mana fakta berkaitan*

**(c) Peranan pemerintah**
- Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- Menggubal undang-undang untuk perpaduan/integarsi nasional
- Menganjurkan sambutan untuk membentuk semangat patriotik
- Menggubal dasar keselamatan negara

( 4 markah)

**Peranan Rakyat**
- Memberi kesetiaan kepada raja dan negara
- Bertoleransi dalam masyarakat/hormat menghormati
- Menghormati lambang-lambang negara
- Sanggup berkorban demi mempertahankan negara

( 4 markah)

*Mana-mana jawapan munasabah*

**BAHAGIAN A**

**BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan**

**1** Apakah maksud Perlembagaan? **ms 22**

A Kuasa pemerintahan
B Undang-undang tertinggi

**2** Apakah yang menjadi asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan? **ms 22**

A Nilai tradisi Kesultanan Melayu
B Undang-undang Islam

**3** Mengapakah British memperkenalkan *Charter of Justice* di Negeri-negeri Selat? **ms 24**

A Menghapuskan kuasa pembesar
B Melindungi penduduk asal

**2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan**

**4** Apakah kesan daripada peristiwa berikut? **ms 25**

| Tahun | Perkara |
|---|---|
| 1877 | Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak |

A Perbendaharaan diperkukuh
B Undang-undang digubal

**5** Anatara berikut, yang manakah menjadi titik penting kepada pembentukan sebuah Persekutuan di Tanah Melayu? **ms 26**

A Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
B Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

**6** Antara perkara yang menjadi terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957 ialah... **ms 27**

A kewarganegaraan yang sama
B mewujudkan Majlis Raja-raja Melayu

**7** Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu juga dikenali sebagai... **ms27**

A Suruhanjaya Cobbold
B Suruhanjaya Reid

**2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan**

**8** Berdasarkan pemerintahan beraja di negeri Melayu, sultan adalah... **ms 28**

A pemerintah berdaulat
B pemerintah sebuah empayar

**9** Antara ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan ialah... **ms 29**
I Agama Islam
II Bahasa Melayu
III Kewarganegaraan
IV Sistem demokrasi

A I dan II
B I dan IV

**10** Asas kepada pembentukan demokrasi ialah pilihan raya umum pada tahun 1955. Mengapakah pilihan raya tersebut dilaksanakan? **ms 29**

A Menstabilkan ekonomi
B Menubuhkan kerajaan

**2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965**

**11** Mengapakah pindaan Perlembagaan Persekutuan dilakukan pada tahun 1963? **ms 30**

A Pelaksanaan darurat
B Pembentukan Malaysia

**12** Selepas pembentukan Malaysia, telah diwujudkan Mahkamah Atasan. Apakah Mahkamah Atasan? **ms 30**

A Mahkamah Persekutuan
B Mahkamah Rayuan

**13** Melalui pindaan perlembagaan tahun 1963, Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri. Siapakah yang berkuasa untuk membuat pelantikan jawatan tersebut? **ms 31**

A Perdana Menteri
B Yang di-Pertuan Agong

**14** Apakah kesan pindaan Perlembagaan tahun 1965 kepada negara kita? **ms 31**

A Singapura dipisahkan dari Malaysia
B Indonesia melancarkan konfrantasi

**BAHAGIAN B**

1 Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi sebagai teras pemerintahan sesebuah negara

**(a)** Nyatakan undang-undang bertulis di negara kita sebelum kedatangan Barat. .

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[3 markah]

**(b)**Jelaskan asas dalam pembentukan perlembagaan berdasarkan Undang-undang Negeri Melayu.

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[3 markah]

**(c )** Mengapakah perlembagaan penting kepada sesebuah negara?

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[4 markah]

**ms 22 – 24**

**(a)**
i Hukum Kanun Melaka
ii Undang-Undang Laut Melaka
iii Hukum Kanun Pahang
iv Undang-Undang Kedah
v Undang-Undang Johor
vi Undang-Undang 99 Perak

**(b)**
i Raja sebagai pemerintah
ii Rakyat memberikan ketaatsetiaan
iii Undang-undang/ sistem pemerintahan ditentukan oleh raja
iv Undang-undang zaman Kesultanan Melayu Melaka mempengaruhi undang-undang negeri Melayu lain
v Hukum Kanun Pahang/ Undang-undang Kedah/ Undang-Undang Johor/ Undang-Undang 99 Perak

**(c)**
i.**Menjaga keamanan negara**
●supaya kekal makmur
ii.**Menegakkan keadilan**
●agar kestabilan negara terjamin
**iii.Mewujudkan perpaduan**
●agar tiada persengketaan/ perbalahan rakyat
**iv.Mengekalkan kemerdekaan**
●supaya negara kekal berdaulat
**v.Menjamin kehidupan rakyat**
●agar sentiasa sejahtera

(*mana-mana jawapan munasabah*)

*Tahukah anda?*

- Undang-undang di negeri-negeri Melayu mengalami perubahan demi perubahan selaras dengan perkembangan masyarakat sehingga kemunculan dan pengenalan undang-undang dari barat sekitar awal abad ke – 19.
- Institusi pemerintahan beraja diteruskan apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Walaupun begitu, beberapa pindaan disesuaikan dengan konsep Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen.
- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 diperkenalkan dan menjadi asas kepada perlembagaan negara kita hari ini. Perlembagaan ini menjadi asas kepada sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

**2** Jadual berikut berkaitan kronologi penggubalan Perlembagaan Persekutuan

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1948 | Pembentukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu1948 |
| 1957 | Pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu |

**(a)** Apakah perkara yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

[3 markah]

**(b)** Jelaskan terma rujukan dalam Perjanjian Persekutuan 1957.

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

[3 markah]

**(c)** Pada pendapat anda, mengapakah Perlembagaan negara perlu dipertahankan?

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………

[4 markah]

**ms 25 – 27**

**(a)**
i Pentadbiran
ii Kuasa Raja Melayu
iii Perundangan
iv Kewarganegaraan

**(b)**
i Kerajaan Persekutuan yang kukuh
ii Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu
iii Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
iv Parlimen mengandungi dua dewan (Dewan Rakyat dan Dewan Negara)
vi Kewarganegaraan yang sama

**(c)**
i **Menjadi undang-undang tertinggi negara**
- tiada undang-undang lain yang boleh mengatasi perlembagaan negara

**ii Menjaga keharmonian kaum**
- supaya dapat hidup dengan aman dan saling bertoleransi

**iii Melindungi hak istimewa orang Melayu/ bumiputera**
- seperti termaktub dalam perlembagaan
- tidak boleh dipertikai oleh mana-mana pihak

**iv Memelihara kedaulatan institusi beraja**
- yang menjadi tonggak/ ketua negara
- lambang kesultanan Melayu sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka

**v Membentuk identiti negara**
- mempunyai satu lambang/ panduan yang sama
- kepada seluruh rakyat di dalam satu negara

(*mana-mana jawapan munasabah*)

*Tahukah anda?*

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 bermodelkan Westminter yang diambil dari Britain.

Sistem Westminster ialah sebuah sistem parlimen kerajaan demokratik dimodelkan mengikut acuan kerajaan British (Parlimen United Kingdom). Istilah ini datangnya daripada Istana Westminter, tempat terletaknya Parlimen UK.

| | |
|---|---|
| **3** Perlembagaan Persekutuan dianggap unik kerana menggabungkan ciri tradisional dan moden.<br><br>**(a)** Senaraikan ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan.<br><br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>[3 markah]<br><br>**(b)** Terangkan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan.<br><br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>[3 markah]<br><br>**(c)** Mengapakah Perlembagaan Persekutuan dianggap unik?<br><br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………………………………<br>[4 markah] | **Ms 28 – 29**<br><br>**(a)**<br>i Kesultanan/ pemerintahan beraja<br>ii Agama Islam<br>iii Bahasa Melayu<br>iv Kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera<br><br>**(b)**<br>**i Pembentukan kerajaan Persekutuan**<br>● Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mempunyai kuasa dalam bidang tertentu<br>● Bila Malaysia dibentuk, Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi.<br>**ii Kewarganegaraan**<br>● Memperkenalkan Kewarganegaraan Persekutuan pada tahun 1948<br>● Kewarganegaraan sama pada semua rakyat<br>● Sebelum ini dikategori rakyat raja dan rakyat British<br>**iii Sistem demokrasi berparlimen**<br>● Terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan<br>● Mengadakan pilihan raya pada peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri<br>● Rakyat memilih/ membentuk kerajaan<br>● SPR menjalankan pilihan raya<br><br>**(c)**<br>**i Pemerintahan beraja**<br>● menjadi simbol kedaulatan negara<br>**ii Menjadikan semua rakyat patuh dan taat setia**<br>● kepada raja/ pemimpin negara<br>**iii Peranan raja/ sultan**<br>● sebagai tonggak keadilan/ kehormatan<br>**iv Kuasa Yang di-Pertuan Agong**<br>● menjaga hak istimewa orang Melayu/ bumiputera/ kepentingan sah kaum lain<br>**v Sistem demokrasi berparlimen**<br>● membolehkan rakyat bebas memilih kerajaan<br>● Rakyat terlibat melalui pilihan raya<br><br>(*mana-mana jawapan munasabah*) |

**4** Perlembagaan Persekutuan telah melalui beberapa pindaan sejak kemerdekaan. Pindaan ini bertujuan untuk memastikan kelancaran dalam pemerintahan negara kita.

**(a)** Jelaskan latar belakang pembentukan perlembagaan persekutuan [4 markah]

(b) Terangkan pindaan perlembagaan yang telah dilakukan pada tahun 1963 dan 1965. [8 markah]

**(c)** Mengapakah pindaan perlembagaan perlu dipinda dari semasa ke semasa sentiasa dilakukan? [8 markah]

..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................
..............................................................................................................

**Ms 30 – 31**

**(a)**
i Merupakan dokumen undang-undang bertulis
ii Undang-undang tertinggi negara
iii Menjadi teras pada sistem pemerintahan negara
iv Digubal berdasarkan undang-undang negeri Melayu sedia ada dan unsur baharu
vi Menggabungkan ciri tradisional dan moden

**(b)**
**i Pindaan Perlembagaan 1963**
- Struktur Mahkamah Atasan
- Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
- Jawatan Yang di-Pertua Negeri

**ii Pindaan Perlembagaan 1965**
- Usul pindaan perlembagaan dinamakan pindaan Singapura
- Membolehkan Singapura keluar dari Malaysia

**(c)**
**i Melindungi kepentingan rakyat**
- kebajikan rakyat terpelihara

**ii Menjaga keselamatan negara**
- negara aman/ makmur

**iii Melicinkan urusan pentadbiran**
- Menjadikan undang-undang lebih munasabah/ relevan

**iv Melahirkan rakyat patuh/ setia negara**
- Meningkatkan kerjasama/ perpaduan rakyat

(*mana-mana jawapan munasabah*)

**BAHAGIAN A**

## BAB 3: RAJA BERPELEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

### 3.1 Latar Belakang Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

1. Jadual berikut berkaitan sistem pemerintahan negara.

| Demokrasi Berparlimen |
|---|
| **X** |

Apakah **X**? **Ms 38**

A Raja Berperlembagaan
B Raja berkuasa mutlak

2. Apakah bidang kuasa raja dalam Kesultanan Melayu Melaka? **Ms 38**

I Mengetuai pentadbiran
II Mengetuai kehakiman
III Menjalin hubungan luar
IV Mengurus hal ehwal protokol istana

A I dan II
B III dan IV

3. Bagaimanakah British meluaskan pengaruh di negeri-negeri Melayu? **Ms 39**

A Perkahwinan
B Perjanjian

4. Siapakah yang dilantik oleh British sebagai penasihat di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu? **Ms 39**

A Kaunselor
B Residen

5. Apakah tujuan negeri-negeri Melayu menggubal Undang-undang Tubuh Negeri? **ms 39**

A Mengukuhkan hubungan luar
B Menghalang pengaruh asing

### 3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

6. Pembentukan Durbar 1897 merupakan Majlis Persidangan Raja-raja Melayu Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Mengapakah peranan Durbar amat penting? **Ms 42**

A Membincangkan urusan pertabalan
B Membincangkan hal-ehwal pentadbiran

7. Ilustrasi berkaitan dengan cap Mohor Besar Raja-Raja.



Apakah kepentingan cap mohor tersebut? **Ms 44**

A Mendapat pengiktirafan kerajaan British
B Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu

### 3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

8. Raja Berperlembagaan merupakan sebahagian daripada pentadbiran negara.
Apakah gelaran raja di peringkat Persekutuan? **Ms 46**

A Yamtuan Besar
B Yang di Pertuan Agong

9. Yang di Pertuan Agong bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri dalam melantik… **Ms 48**

I Perdana Menteri
II Diplomat
III Gabenor Negara
IV Sultan

A I dan II
B III dan IV

### 3.4 Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa



10. Gambar tersebut berkaitan dengan pilihanraya. Apakah kepentingan pilihanraya? **Ms 50**

A Memilih pemimpin berwibawa
B Mendapat pengiktirafan negara luar

11. Apakah peranan Badan Eksekutif dalam sistem pentadbiran negara? **Ms 54**

A Menggubal undang-undang negara
B Melaksanakan dasar –dasar negara

### 3.5 Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara

12. Bagaimanakah amalan Demokrasi Berparlimen di negara kita dapat menjamin keharmonian dan kesejahteraan rakyat**? Ms 57**

A Meyeragamkan sistem percukaian
B Membentuk pentadbiran yang sistematik

**BAHAGIAN B**

**1.** Pernyataan berikut menerangkan sistem pemerintahan di negara kita.

> *Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan proses yang bersandarkan muafakat. Sistem tersebut mesti dipertahankan sebagai tonggak kestabilan dan teras perpaduan untuk kemakmuran negara.*
>
> *Sumber: Buku Teks Sejarah Tingkatan 5,halaman 41.*

**a.** Apakah pindaan yang dilakukan dalam sistem pemerintahan beraja agar ia selari dengan konsep demokrasi selepas merdeka?

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[ 2 markah ]

**b.** Terangkan fungsi Majlis Raja-Raja berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[ 4 markah ]

**c.** Sebagai generasi muda, mengapakah anda perlu mempertahankan sistem pemerintahan beraja di negara kita?. **[K12.3.7]**

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[ 4 markah ]

**(a) Ms 41**

- Yang di-Pertuan Agong
- Menjadi Ketua Utama Negara
- Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

**(b) Ms 45**

- Memilih YDPA dan
- Timbalan YDPA
- Bersetuju @ tidak bersetuju sebarang undang-undang
- Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu
- Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu
- Memperkenankan perubahan persempadanan negeri dengan
- Perkenan raja negeri tertentu
- Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu

**(c)**

- Warisan turun-temurun
- Lambang kedaulatan negara
- Memakmurkan negara
- Keunikan yang tiada di negara lain
- Sebagai kuasa pengimbang dalam sistem demokrasi
- Kebanggaan negara dan bangsa
  (*mana-mana munasabah)*

*Tahukah anda?*

Pelantikan yang memerlukan rundingan dengan Majlis Raja-Raja;

i. Ketua Audit Negara
ii. Ketua Hakim Negara
iii. Hakim Mahkamah Atasan
iv. Pengerusi & ahli SPR

**2.** Kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.

**a.** Berikan TIGA kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

i. ………………………………………………………

ii. ………………………………………………………

iii. ………………………………………………………

[3 markah ]

Gambar dibawah berkaitan dengan Persidangan Parlimen



**b.** Jelaskan bidang kuasa Parlimen sebagai badan perundangan tertinggi Malaysia.

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

[ 3 markah ]

**c.** Parlimen merupakan lambang demokrasi negara kita.? Buktikan. **[ K12.3.9]**

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

[ 4 markah ]

**(a) Ms 51**

- Kebebasan diri
- Kebebasan beragama
- Hak berkenaan dengan pendidikan
- Kebebasan bersuara,berhimpun dan berpersatuan

**(b) Ms 53**

- Menggubal undang-undang
- Membuat pindaan undang-undang Persekutuan
- Menyemak dasar kerajaan
- Meluluskan perbelanjaan kerajaan
- Meluluskan sistem cukai baharu

**( c)**

- Memberi peluang rakyat memilih pemimpin
- Rakyat mempunyai hak bersuara
- Menjamin pemerintahan yang adil saksama
- Melicinkan pentadbiran negara
- Kebajikan rakyat terpelihara

*(Mana-mana munasabah)*

*Tahukah anda?*

SUHAKAM

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) merupakan institusi Hak Asasi Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999,Akta 597. SUHAKAM berperanan bagi mempromosikan dan melindungi hak asasi semua orang di negara ini.

**3**.




**a.** Nyatakan mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran negara.

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[ 3 markah ]

**b.** Bagaimanakah kerjasama politik dapat menjamin keharmonian dan kemakmuran negara?.

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[ 3 markah ]

**c.** Sebagai rakyat Malaysia, jelaskan peranan anda dalam memelihara Demokrasi Berparlimen. **[K12.3.8]**

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………………

[ 4 markah ]

**(a ) Ms 56**

**i. Mengimbangi pemerintahan demokrasi**
- Raja bersikap berkecuali dalam;
- bidang politik, ekonomi dan dasar negara
- meredakan konflik/pertikaian parti politik pelbagai ideologi
- penyelesaian di buat oleh badan kehakiman

**( b ) Ms 57**

**i. Menekankan soal perkongsian kuasa antara kaum**
- Melaksanakan prinsip tolak ansur
- Perundingan
- Rela berkorban

**ii. Permuafakatan parti politik**
- Dapat membentuk kerajaan
- Berkongsi kuasa pemerintahan
- Memberikan hak sama rata kepada rakyat
  [Mana- mana munasabah]

**( c )**
- Menghormati institusi raja
- Patuh kepada rukun negara
- Hidup bersatu padu antara rakyat
- Taat setia kepada raja/pemimpin dan negara
- Memupuk semangat cintakan negara dan bangsa
- Menghalang ancaman musuh luar
- Memelihara negara daripada diceroboh oleh penjajah asing
- [Mana-mana munasabah]

*Tahukah anda?*

**Dewan Undangan Negeri (DUN)**

Di Malaysia, terdapat DUN di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Ketiga-tiga wilayah tersebut hanya mempunyai ahli Parlimen. DUN berfungsi untuk menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

<table>
<tr>
<td>

**4.** Gambar dibawah menunjukkan majlis adat istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong



**a)** Bagaimanakah proses pemilihan Yang di-Pertuan Agong dilakukan?
[ 4 markah ]

**b)** Terangkan kuasa dan peranan Yang di-Pertuan Agong.
[ 8 markah ]

**c)** Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah sistem Raja Berperlembagaan wajar dikekalkan di negara kita? K12.3.6
[8 markah ]

</td>
<td>

Ms 46-49

( a )

- Dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri dalam Persekutuan
- Dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja
- Menurut kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan
- Peraturan Majlis Raja-Raja
- Pemilihan secara bergilir-gilir

( b )

i **Ketua Utama Negara**

- Melantik Perdana Menteri dan Jemaah menteri
- Pemerintah tertinggi angkatan tentera
- Memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang
- Memanggil Parlimen bersidang dan membubarkannya
- Ketua agama Islam bagi negeri yang tiada sultan

ii **Bertanggung jawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah**

- Melindungi kepentingan sah kaum lain
- Membuat pengisytiharan darurat

iii **Melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri**

- Mempunyai kuasa pengampunan dalam hal jenayah di Wilayah Persekutuan
- Bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan

( c )

i **Tonggak keagungan kerajaan Malaysia**

- Warisan turun temurun
- Memantapkan kewibawaan institusi beraja
- Punca kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara

ii **Memberikan keseimbangan dalam pentadbiran**

- Menjamin kemakmuran negara
- Membentuk negara yang maju dan harmoni
- Menjamin kebajikan semua rakyat

[mana- mana munasabah]

</td>
</tr>
</table>

**BAHAGIAN A**

## BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

### 4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita

**1** Apakah ciri sistem Persekutuan yang diamalkan di Malaysia? **ms 66**

A Penyatuan Negeri
B Pembentukan Kesatuan

**2** Apakah tujuan diadakan Majlis Mesyuarat Persekutuan 1927? **ms 67**

A Mempertahankan kuasa Raja Melayu
B Mengukuhkan kedudukan British

**3** Maklumat berikut berkaitan dengan usaha British membentuk Persekutuan di negara kita .**ms 67**

| Tahun | Persekutuan |
|---|---|
| 1946 | Kesatuan Malaya (Malayan Union) |

Apakah kesan pembentukan Persekutuan tersebut ?
A Penghakisan kuasa raja
B Pemantapan kuasa raja

### 4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

**4**. Pada hari ini, di manakah terletaknya pusat pentadbiran kerajaan Malaysia? **ms 68**

A Kuala Lumpur
B Putrajaya

**5**. Senarai berikut terletak di bawah bidang kuasa ...**ms 69**

- Pertahanan
- Kewarganegaraan
- Hal ehwal luar negeri
- Perhubungan

A Kerajaan Persekutuan
B Kerajaan Negeri

**6** Antara berikut, yang manakah merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri? **ms 70**
i. Tanah
ii. Kewangan
iii. Pentadbiran Keadilan
iv. Pertanian dan Perhutanan
A I dan II
B I dan I

**7**. Apakah peranan Kerajaan Tempatan ? **ms 71**

A Diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Pusat
B Menjadi perantara Kerajaan Negeri dengan rakyat

### 4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

**8.** Agensi berikut memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi negara.

| Tahun | Agensi |
|---|---|
| 1956 | FELDA |

Apakah peranan agensi tersebut?**ms 72**

A Membangunkan tanah baru
B Memajukan sektor perindustrian

**9** Senarai berikut berkaitan dengan program pembinaan rumah untuk rakyat. **ms 77**

- Rumah Mesra Rakyat
- Perbadanan Perumahan 1 Malaysia

Program tersebut dilaksanakan oleh...

A Kerajaan Persekutuan
B Kerajaan Negeri

**10**. Apakah peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN)? **ms 78**

A Ketenteraman awam
B Menyelaraskan pentadbiran negara

### 4.4 Faktor Yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

**11**. Sistem Persekutuan berjaya menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Apakah iktibar yang dapat diambil daripada kejayaan tersebut? **ms 81**

A Kemantapan hubungan luar
B. Kepentingan bermusyawarah

12. Apakah perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri?Ms80
A. Dasar kerajaan negeri
B. Syarat kerakyatan

**BAHAGIAN B**

<table>
<tr>
<td>

**1.** Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.

**(a)** Nyatakan maksud Persekutuan.

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

[2 markah]

**(b)** Jelaskan sejarah pembentukan konfederasi Negeri Sembilan 1895.

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

[4 markah]

**(c)** Pada pendapat anda, apakah kebaikan sistem Persekutuan?(**K12.4.6)**

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

…………………………………………………………………………………

[4 markah]

</td>
<td>

**ms 66-67**

**(a)**

- Penyatuan beberapa buah negeri.
- Membentuk sebuah negara bersekutu
- wujudnya Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri

**(b)**

- Tahun 1889, Luak Tampin, Rembau dan Seri Menanti disatukan sebagai Konfederasi Seri Menanti
- Menerima seorang residen
- Tahun 1895, perjanjian ditandatangani antara Yamtuan Besar Seri Menanti dengan Undang Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tunku Besar Tampin
- Menubuhkan konfederasi dikenali sebagai Negeri Sembilan

**(c)**

- Pentadbiran yang kukuh dan stabil
- Wujud pembahagian kuasa
- Mengelakkan permasalahan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri
- Menjamin kestabilan dan kemajuan negara
  *( mana-mana munsabah)*



*Tahukah anda?*

**Konfederas**i ialah gabungan antara negeri yang berdaulat dalam satu ikatan yang longgar. Kuasa negeri dikekalkan dan kedaulatan negeri terpelihara.

</td>
</tr>
</table>

2. Negara kita mengamalkan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

**(a)** Apakah tujuan pembahagian kuasa dilaksana antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ?

…………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………..

[2 markah]

**(b)** Mengapakah pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dipindahkan ke Putrajaya pada tahun 1999?

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.............................................................................................................

……………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………..

[4 markah]

**(c)** Sebagai pemimpin, apakah yang akan anda lakukan untuk mengukuhkan hubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ?(**K12.4.7)**

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.............................................................................................................

.............................................................................................................

……………………………………………………………………………………..

……………………………………………………………………………………..

[4 markah]

**(MS 68-71)**

**(a)**

- Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan
- Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua kerajaan

**(b)**

- Tahun 1999 Putrajaya diisytihar sebagai pusat pentadbiran
- Mewujudkan sebuah pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang sistematik
- Mengelakkan kesesakan di Kuala Lumpur
- Tahun2000- Perjanjian ditandatangani untuk menjadikan Putrajaya sebuah Wilayah Persekutuan

*( mana-mana munasabah)*

**(c)**

- Mematuhi Perlembagaan Persekutuan
- Mengekalkan hubungan baik antara Persekutuan dan Negeri
- Toleransi antara pemimpin dengan negeri/musyawarah
- Memastikan pengagihan kuasa berjalan lancar dan adil

*( mana-mana munasabah)*

*Tahukah anda?*



| Senarai Persekutuan | Senarai Negeri | Senarai Bersama |
|---|---|---|
| • Hal ehwal luar negeri<br>• Pertahanan<br>• Keselamatan dalam negeri<br>• Undang-undang dan pentadbiran keadilan<br>• Kewarganegaraan Persekutuan<br>• Jentera kerajaan<br>• Kewangan<br>• Pertukangan, perdagangan dan perindustrian<br>• Perkapalan, pelayaran dan perikanan<br>• Perhubungan dan pengangkutan<br>• Kerja raya dan tenaga kuasa<br>• Tinjauan, siasatan dan penyelidikan<br>• Pelajaran<br>• Perubatan dan kesihatan<br>• Buruh dan keselamatan sosial termasuk kebersihan ibu kota<br>• Kebajikan Orang Asli<br>• Hari kelepasan selain hari kelepasan Negeri<br>• Akhbar, penerbitan, percetakan dan mesin cetak<br>• Koperasi<br>• Pelancongan<br>• Segala perkara berhubung dengan Wilayah-wilayah Persekutuan dan perkara Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah | • Undang-undang Islam<br>• Tanah<br>• Pertanian dan perhutanan<br>• Kerajaan tempatan<br>• Perkhidmatan tempatan<br>• Jentera kerajaan negeri<br>• Hari kelepasan negeri<br>• Undang-undang Negeri<br>**Tambahan bagi Negeri Sarawak dan Sabah**<br>• Undang-undang dan adat anak negeri / bumiputera<br>• Perbadanan pihak berkuasa yang ditubuhkan melalui Undang-undang Negeri<br>• Pelabuhan dan perkapalan<br>• Ukuran tanah kadaster/ kadastra<br>• Di Sabah, Kereta Api Sabah | • Kebajikan masyarakat<br>• Biasiswa<br>• Perlindungan hidupan liar dan burung liar: Taman Negara<br>• Penternakan; pencegahan perbuatan menganiayai binatang; perkhidmatan veterinar;kuarantin binatang.<br>• Perancangan bandar dan desa<br>• Kutu rayau dan penjaja dari tempat ke tempat<br>• Kesihatan awam, kebersihan dan pencegahan penyakit<br>• Saliran pengairan<br>• Pemulihan tanah lombong dan tanah mengalami hakisan<br>• Keselamatan kebakaran<br>• Kebudayaan dan sukan<br>• Perumahan<br>• Pemeliharaan warisan<br>**Tambahan bagi Negeri Sarawak dan Sabah**<br>• Undang-undang diri berhubung dengan perkahwinan, perceraian dan sebagainya berkaitan undang-undang keluarga<br>• Pencemaran bahan makanan dan barangan lain<br>• Perkapalan yang beratnya kurang 15 tan yang berdaftar<br>• Pengeluaran, pengagihan dan perbekalan kuasa air dan letrik<br>• Penyelidikan pertanian dan perhutanan, perlindungan daripada makhluk perosak dan pencegahan penyakit tumbuhan<br>• Khairat dan amanah dan institusi khairat dalam Negeri<br>• Panggung wayang gambar; tempat hiburan awam<br>• Pilihan raya bagi Dewan Negeri |

**3**. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu bekerjasama untuk memastikan pembangunan dicapai demi menjamin kesejahteraan rakyat

**(a)** Senaraikan bentuk kerjasama pembangunan sosioekonomi yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

……………………………………………………………………………………

……………………………………………………………………………………..

[2 markah]

**(b)** Nyatakan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui agensi berikut :

(i) FELDA : ...........................................................................................
...........................................................................................

(ii) FELCRA :..........................................................................................
...........................................................................................

[2 markah]

**(c)** Namakan agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membuka kawasan lebih luas di beberapa buah negeri untuk membangunkan wilayah baru.

(i)..............................................................................................................

(ii)..............................................................................................................

[2 markah]

**(d)** Sebagai seorang warganegara yang prihatin, apakah tanggungjawab kita dalam memastikan pembangunan negara berjalan dengan lancar? **(K12.4.8)**

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[4 markah]

**(ms 72-79)**

**(a)**
- Pembangunan Tanah
- Pembangunan Wilayah
- Pembangunan Koridor Wilayah

(b)
- Rancangan pembangunan tanah baharu
- Menyatukan, memulihkan dan membangunkan tanah kerajaan negeri

**(c)**
- Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
- Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

**(d)**
- Mengekalkan perpaduan antara kaum
- Menanam semangat patriotik dalam diri setiap warganegara
- Menghormati pemimpin serta mematuhi arahannya
- Memupuk sikap toleransi antara pemimpin dan rakyat
- Menjadi masyarakat saintifik dan progresif
- Meningkatkan ekonomi negara *(mana-mana munasabah)*

*Tahukah anda?*

**Segitiga Jengka** ialah ilham Tun Abdul Razak Hussein. Segitiga Jengka merupakan Rancangan pembangunan Wilayah pertama diusahakan oleh FELDA pada tahun 1966 yang merangkumi tiga daerah, iaitu Temerloh, Jerantut dan Maran, Pahang.

**Pembangunan In-Situ**
Menekankan pembangunan fizikal desa seperti penyediaan kemudahan asas, rumah rakyat dan pusat pertumbuhan ekonomi desa.

| | |
|---|---|
| **4**.<br><br>**(a)** Prinsip Keluhuran Perlembagaan dapat mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita. Bincangkan .<br>[4 markah]<br><br>**(b)** Bagaimanakah pentadbiran antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diselaraskan ?<br>[8 markah]<br><br>**(c )** Sistem Persekutuan yang diamalkan di Malaysia dapat menjamin kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Ulaskan.(**K.12.4.6)**<br>[8 markah]<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>………………………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………………… | **(a) (ms 80-82)**<br>• Prinsip keluhuran Perlembagaan dijunjung<br>• Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi<br>• Parlimen dan DUN tidak boleh gubal undang-undang yang bercanggah<br>• Jika tidak berlaku keselarasan, Perlembagaan Persekutuan menjadi rujukan<br>*( mana-mana munasabah)*<br>**(b)**<br>• Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri<br>• Membincangkan pelaksanaan dasar<br>• Penubuhan Majlis Negara<br>• Menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Negeri<br>• Majlis Kewangan Negara<br>• Majlis Tanah Negara<br>• Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan<br>• Kerajaan menubuhkan majlis-majlis bagi mewujudkan perhubungan<br>**(c)**<br>• Hubungan erat Kerajaan Persekutuan dengan Negeri<br>• Menjamin kerjasama antara kedua-dua kerajaan bagi memastikan kelancaran<br>• Tiada percanggahan kuasa antara kedua-dua kerajaan<br>• Seandainya bercanggah, undang-undang Persekutuan yang akan diguna pakai<br>• Mewujudkan negara yang stabil dan maju<br>• Rancangan pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik<br>• Menggalakkan pembangunan ekonomi yang pesat<br>• Penggunaan tanah yang terkawal<br>• Keselamatan perairan negara terjamin dari pencerobohan<br>• Rakyat mengecapi kemakmuran negara<br>• Melahirkan sebuah negara yang menawarkan kehidupan yang lebih baik untuk semua<br>*( mana-mana munasabah)* |

**BAHAGIAN A**

## BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

### 5.1 Konsep Gagasan Malaysia

1 Tuanku Abdul Rahman al-Haj telah mencadangkan Singapura,Sarawak,Sabah Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu Mengapakah beliau bertindak demikian? **Ms:90**

I Mempercepatkan kemerdekaan
II Memperkukuhkan kuasa penjajah
III Memperkasakan sistem beraja
IV Memastikan pembangunan wilayah

A I dan II
B I dan IV

### 5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

2. Mengapakah Sir Malcolm MacDonald mencadangkan penggabungan tanah jajahan British di Asia Tenggara? **Ms:91**
A Melaksanakan rancangan dekolonisasi
B Melicinkan pentadbiran British

3. Tokoh berikut mengemukakan idea tentang pembentukan Malaysia
- Dr. Burhanuddin al-Helmi
- Ishak Haji Muhammad

Apakah idea tersebut? **Ms: 92**
A Membebaskan negara daripada penjajahan British
B Menyatukan Tanah Melayu dan Indonesia

